

AGAMA ISLAM MEROBOHKAN SUSUNAN MASYARAKAT MELAYU?

“Kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu ini merupakan suatu faktor terbesar yang merubah susunan hidup masyarakat Melayu; kesusilaan dan ketatanegaraan,

kata seorang penulis yang menamakan dirinya “Adi Emas” dalam majalah “Wartawan”

Singapura, bilangan yang pertama. Tulisannya itu disebut oleh Cikgu Mahmud Bin Ahmad dalam

suatu makalah yang kami sajikan dibawah ini – pengarang Qalam.

Dalam majalah “Wartawan” bilangan satu (September 1957) seorang penulis yang bernama Adi Mas (tentulah seorang wartawan) telah menulis suatu rencana yang berupa penyiasatan kebudayaan iaitu “mencari teras dan nilai tarian nasional”. Apakah yang dimaksudnya dengan istilah “teras”, “nilai” dan “nasional” dalam tulisannya itu tidak diterangkannya.

Dalam satu huraian yang memakai kira-kira 1450 perkataan saya tidak nampak ia dapat mengemukakan soal-soal ilmu pengetahuan yang bernilai terhadap rencananya itu. Dalam pada itu saya faham rencananya belum habis lagi, masih ada sambungannya barangkali dalam majalah “Wartawan” bilangan dua.

Dalam huraianya yang telah ada itu hanya dapat mengemukakan secara sepintas lalu berkenaan dengan beberapa seni tari yang telah dipertunjukkan dalam pesta kebudayaan di Kuala Lumpur tahun 1956 dahulu.

Ia menceritakan bahawa Raja-raja Melayu sebelum Islam memelihara kesenian-kesenian dalam istananya di bawah satu pengelolaan yang tersendiri, tarian-tarian itu ”dipertunjukkan atau dipersembahkan kepada Raja-raja atau tamu agung dari luar negeri. Tarian-tarian itu

mencerminkan peribadi, adat istiadat bangsa itu sebagai pernyataan taraf, peradaban dan sesuai dalam cara hidup dan kepercayaan bangsanya”.

Pada tempat yang lain dalam tulisannya itu ia hanya mengomel tentang tarian joget iaitu katanya tarian murah, tak ada keasliannya lagi, banyak dimasuki oleh anasir tarian liar yang dibawa masuk dari negeri luar.

Katanya lagi ia selalu berjumpa penari ronggeng, memakai baju kurang seragam (sedondon), “selendang panjang dan tidak memakai sepatu, mungkin menunjukkan keaslian sifat penari-penari di zaman dahulu? Tetapi yang janggalnya ialah mereka tidak memakai sanggul. Potongan rambut ala Audrey Hepburn, apakah dapat disebut sebagai sifat Melayu asli?”

Demikianlah sedikit cabutan bunyi leterannya; bahkan sepanjang-panjang rencana itu penuh dengan leteran-leteran seperti itu, boleh dikatakan tak ada pengetahun yang dapat hendak dipegang bahawa rencananya itu suatu penyiasatan ilmiah.

Pada suatu tempat dalam rencananya itu ia menyesali kedatangan agama Islam yang jadi perosak dalam penghidupan umat Melayu katanya, “kedatangan Islam

ke Semenanjung Tanah Melayu ini merupakan suatu faktor terbesar yang merubah susunan hidup masyarakat Melayu; kesusilaan dan ketatanegaraan, dan kerana itulah pandangan dan definisi umum terhadap agama dan sosial mengandungi batas-batas yang tertentu pula menurut pandangan dan pendapat masing-masing”.

Apakah yang dimaksudkannya dengan “Menurut pandangan dan pendapat masing-masing?” Umat Islam tidak pernah membuat pendapat masing-masing terhadap agamanya. Pendapat mereka terpulung kepada Quran dan Hadis, itulah pokok pendapat.

Sekiranya Tuan Adi Mas seorang Islam nyatalah pengetahuannya dalam soal Islam sangat cetek dan seharusnya kalau ia mengetahui tentang kecetekannya dalam soal-soal agama Islam janganlah lancang tangan berani menulis seperti itu.

Kalau ia bukan seorang Islam tak patut rasanya ia berkata demikian terhadap masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Dalam sejarah Islam tidak ada suatu pun perbuatan-perbuatan yang baik dalam masyarakat umatnya yang telah diperkosa seperti pemerintahan Nazi Jerman atau Jepun dahulu. Larangan Islam yang paling besar ialah menyengutukan Allah dengan sesuatu yang lain. Dalam sejarah Tanah Melayu tak ada sedikit pun tersebut bahawa orang-orang Melayu yang beragama Hindu dahulu merasa kecewa oleh sebab menukar agama mereka. Agama Islam di Malaya adalah berjalan sebagai aliran air sungai. Ia menghanyutkan segala sampah sarap dan kotoran, tetapi batu-batu besar tebing dan kualitasnya adalah seperti lama juga. Lihatlah adat istiadat Melayu tidak berubah daripada pegangan asalnya – cara beraja, cara nikah kahwin, cara pergaulan, cara kampung halaman, cara pakai patut, cara kenduri kendara, cara

pendidikan dan pelajaran. Beberapa peraturan adat Perpatih di Negeri Sembilan, nyata berlawanan dengan kehendak agama Islam, itupun tidak dikerasi oleh alim ulama Islam dan sehingga hari ini hiduplah adat itu dengan semboyan “adat bersendi Syarak dan Syarak bersendi adat”.

Tentang stail karangannya sangat menghairankan, seolah-olah dia adalah salah seorang pengarang Tiong Hua di Indonesia, misalnya pengarang surat khabar Sin Po, perhatikan potongan-potongan ayatnya dibawah ini:

- (1) Tentunya setiap isi kertas kerja yang akan diperdebatkan.....adalah merupakan inti sari dari fikiran-fikiran yang matang.....
- (2) Justeru itu tulisan ini mengandungi maksud jujur.
- (3) Soal kebudayaan dan soal kesenian bukanlah suatu soal kecil yang akan diperdebatkan dalam jangka waktu sehari dua sahaja, tetapi soal tersebut harus dibicarakan atau diperdebatkan berabad-abad lamanya, selagi manusia hidup dan masyarakat berkembang. (aneh benar fikirannya ini)
- (4) Perkembangan dan kepopularan tarian-tarian Melayu tidak dapat dinafikan, hanya harus disebut bahawa pada umumnya masih berupa ajaran hiburan murah.
- (5) Maka tarian-tarian Melayu lama bermula mendapat perhatian dan penghormatan baik dari intelektual dan kaum seniman sendiri.
- (6) Kebudayaan dan seni boleh popular setelah adanya pertukaran kebudayaan dengan kebudayaan antara bangsa-bangsa.....
- (7) Pesta kebudayaan adalah cetusannya yang ditimbulkan oleh reaksi rasa kesedaran

(sambungan muka 49)

AL-MARHUM TUAN HAJI IBRAHIM AQIBI



Agama Islam merubahkan....?

-sambungan dari muka 12

- (8) Bahkan sudah seawajarnya dicatat dalam sejarah...
- (9) Dalam Kongres kebudayaan soal itu harus dibicarakan atau diperdebatkan lebih dinamik lagi.
- (10) Perkembangan dan kepopularan seni tari Melayu dipandang telah dikotorkan oleh golongan pedagang-pedagang.
- (11) Maka penting sekali kita meninjau sejauh-jauhnya proses-proses pertumbuhan dan sejarah perkembangan seni tari.
- (12) Justeru itu seniman terpaksa keluar dari lingkungan istana.
- (13) Tidak ada jalan lain untuk mereka mendapatkan itu.
- (14) Dalam mencari keuntungan yang banyak kedudukan

Al-Faqil Tuan Haji Ibrahim Aqibi, ulama yang terkenal, telah kembali ke *Rahmatullah* pada 3 Rabiul Akhir 1377 (26 Oktober 1957) selepas sepuluh hari dirawat di General Hospital Pulau Pinang, kerana mengidap penyakit jantung.

Allahyarham berumur 63 tahun dan telah selamat dikebumikan diperkuburan Kebun Lama, Pulau Pinang dengan diiringi oleh lebih 1000 orang kaum keluarga, sahabat handai dan murid-muridnya.

Mudah-mudahan Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan rohnya di dalam syurga *Jannatu al-Na'im*

biasa kita ketemuan pada tarian-tarian joget.

- (15) Saya tidaklah bermaksud untuk melemparkan kehinaan terhadap saudari....
- (16) Tekanan politik dan anasir-anasir kesenian asing yang tidak cocok dengan peradaban bangsa kita.
- (17) Tarian liar yang diimpot dari luar tanah air, justeru terlalu banyak menelan pengaruh asing, tanpa perhitungan untung ruginya.
- (18) Suatu alat hiburan yang terlalu murah yang biasa dinikmati dengan bayaran dua puluh sen sahaja.
- (19) Yang agak penting dibicarakan tentunya soal sifat.
- (20)dengan sifat dan bentuk original dengan pertumbuhan keaslian jiwa bangsa Melayu.

- Mahmud